


# FESTKUM 2019 lahirkan pelajar berbakat

## Libatkan penyertaan 18 pelajar UMS dalam pertandingan nyanyian dan tarian



### DARI KAMPUS

15  
17.10.2019  
KOTA KINABALU: Seramai 18 pelajar UMS berjaya menyertai Festival Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (FESTKUM) 2019 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang diadakan pada 3 hingga 7 Oktober lalu.

UMS menyertai tiga pertandingan iaitu Pertandingan Nyanyian Lagu Asli, Pertandingan Rentak Bitara dan Tarian Sayangi Malaysiaku.

Bagi Pertandingan Nyanyian Lagu Asli ini diwakili oleh Dayang Nurazreen Salbador, pelajar



**ALBUM KENANGAN:** Sesi bergambar bersama peserta UMS untuk FESTKUM.

Seni Muzik dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan dengan mendedangkan lagu Siti Payung manakala Pertandingan Rentak Bitara juga diwakili oleh seramai lapan pelajar

seni Muzik, FKSW dan Pertandingan Tarian pula diwakili oleh Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cul' Art HEP.

Pertandingan FESTKUM kali ini memberi peluang

kepada pelajar untuk lebih maju dalam menceburi bidang kebudayaan dan kesenian sepanjang pengajian di kampus.

Ianya juga adalah satu aktiviti tambahan ke-



**PESERTA:** Sesi bergambar bersama peserta pertandingan FESTKUM.

pada pelajar. Biarpun tidak membawa sebarang pingat, kedudukan tangga universiti ke-13 dari IPTA lain juga cukup membanggakan.

Kesemua pelajar ini diiringi oleh Norain Abd Razak

selaku Ketua Delegasi Rombongan dan Norhana Nordin, juga pegawai pengiring Ahmad Raffi-andie Awang dari Bahagian Kebudayaan dan Kesenian JHEP.

Penyertaan mereka kali ini mampu menampakkan semangat yang jitu di kalangan peserta, juga hubungan antara IPTA terjalin mesra dan dapat menyertainya pada masa akan datang.